

09 JUN 1999

EMPAT DAPAT ANUGERAH KERANA TESIS TENAGA

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Seorang penuntut kejuruteraan mekanikal Universiti Teknologi Malaysia (UTM) malam ini menerima anugerah Institut Tenaga Malaysia (Intem) kerana testisnya untuk Ijazah Doktor Falsafah (Phd) yang dipilih sebagai yang terbaik.

Mohammad Nurul Islam daripada Jabatan Thermos-Fluids menerima anugerah kerana tesisnya mengenai tenaga bertajuk, "Pyrolysis and catalytic upgrading of biomass solid waste with its techno-economics".

Mohamad kini berada di luar negara dan penyelia beliau Prof Madya Dr Farid Nasir Ani menerima hadiah itu bagi pihaknya.

Anugerah itu diberikan sempena Kongres Dunia Tenaga Yang Boleh Diperbaharui (WREC) dan ia disampaikan oleh Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie di majlis makan malam WREC di sini.

Pemenang tesis peringkat sarjana pula ialah Puan Gurupiah Mursib daripada Jabatan Senibina UTM, dengan tesis beliau "Daylighting consideration in the design of living-room spaces in single storey terrace houses in Malaysia".

Anugerah tesis bagi ijazah sarjana muda dimenangi oleh dua penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) daripada Jabatan Kejuruteraan Material dan Mekanikal. Mereka ialah Wan Prima Addini-Alia Wan Abdullah, kerana tesisnya bertajuk "Performance study of grid-connected thermal photovoltaic systems for water heating" sementara Azrulnizam Aziz kerana tesisnya mengenai "Simulation study on optimising lighting and thermal aspects in simple buildings".

Kongres empat hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

-- BERNAMA

NHD PR